

Utusan Malaysia November 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	01 November 2017	Rasuah: Penolong Pengarah JKPP Johor ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2.	02 November 2017	Rasuah: Penolong Pengarah JKPP direman 7 hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	4
3.	04 November 2017	Timbalan Pengarah JKPP ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	06 November 2017	Tiga pegawai Maritim Malaysia direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
5.	06 November 2017	22 individu termasuk seorang wanita bergelar 'Datuk' ditahan	Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad	8
6.	06 November 2017	Shafie hadir ke pejabat SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	10
7.	06 November 2017	Rasuah: Bekas inspektor polis dipenjara 3 tahun, denda RM15,000	Timbalan Pendakwa Raya SPRM negeri, Shahidah Muslimah Roslan	11
8.	07 November 2017	Lepas nelayan asing ceroboh perairan SPRM tahan 22 orang termasuk enam pegawai Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan	Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad	13
9.	09 November 2017	Ada dalang rasuah dalam Maritim Malaysia - Zulkifli	Ketua Pengarah Maritim Malaysia), Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar	15
10.	12 November 2017	Dua kontraktor lepas, bebas tuduhan rasuah beras subsidi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
11.	13 November 2017	100 dijangka ditangkap SPRM Johor buru penjawat awam terlibat kegiatan rasuah	Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias	19
12.	13 November 2017	Rasuah: 2 tekong Vietnam ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
13.	16 November 2017	38 ditangkap, 17 dituduh kes rasuah di Terengganu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
14.	19 November 2017	Siasatan pembelian hotel FIC peringkat akhir - Dzulkifli	Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad	23
15.	23 November 2017	Suspek ketiga kes seleweng baja direman 6 hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
16.	24 November 2017	SPRM tahan suspek keempat kes seleweng skim baja	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
17.	27 November 2017	Beberapa kementerian, agensi kerajaan, badan berkanun akan dipanggil - PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)	27
18.	28 November 2017	Audit: Kerajaan rancang baik pelaksanaan projek	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2016 Siri 2	29
19.	28 November 2017	LHDN audit 15 bank transaksi akaun pesisir	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDN, Abdul Manap Dim	31
20.	28 November 2017	Heret ke mahkamah individu seleweng subsidi baja - Shabery	Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek	33
21.	29 November 2017	Audit 15 bank siap tiga bulan lagi - LHDN	Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Sabin Samitah	34
22.	28 November 2017	Tuduhan pinjaman MAPS RM1.9 bilion tidak benar	Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor negeri, Datuk Mohamad Zahir Abdul Khalid	36
23.	29 November 2017	Azmin cuba lindungi skandal Sungai Yu?	Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali	38
24.	29 November 2017	30 lombong bauksit terlibat moratorium	Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob	39
25.	29 November 2017	Tekong bot Vietnam dituduh rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	41
26.	30 November 2017	Bekas CEO ZPP didakwa lagi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	42
27.	30 November 2017	Tiga termasuk anak saudara Menteri Besar ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	44
28.	30 November 2017	Dakwaan rasuah: Mohamed Khaled tidak larikan diri	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	45

01 November 2017

1. Rasuah: Penolong Pengarah JKJP Johor ditahan

SEORANG Penolong Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKJP) negeri Johor ditahan SPRM kerana disyaki meminta dan meminta rasuah semalam.

JOHOR BAHRU 1 Nov. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang Penolong Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKJP) negeri Johor kerana disyaki terlibat dalam kes permintaan dan penerimaan wang rasuah.

Menurut sumber, suspek berusia 37 tahun yang ditahan di sebuah hotel di bandar raya ini pukul 2.40 petang semalam disyaki meminta sejumlah wang rasuah daripada seorang pengurus projek sebuah syarikat kejuruteraan Petroleum.

"Hasil siasatan yang dijalankan, suspek disyaki telah meminta dan menerima wang rasuah berjumlah RM 30,000 daripada pengurus projek berkenaan supaya tidak diambil tindakan memasang Mesin Angkat (Grip Hoist) tanpa mendapat kebenaran pihak JKJP.

"Dalam satu serbuan yang dibuat di rumah suspek, pasukan penyiasat menjumpai wang tunai berjumlah kira-kira RM 18,505 yang disembunyikan di bilik dan bawah tangga kediaman suspek. Turut dirampas beberapa dokumen berkaitan projek berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini sebentar tadi.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan berkata suspek akan dihadapkan ke mahkamah petang ini untuk permohonan reman bagi membantu siasatan

2. Rasuah: Penolong Pengarah JKPK direman 7 hari

SEORANG Penolong Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) negeri ditahan reman tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah bernilai RM30,000 di Mahkamah Majistret hari ini.

JOHOR BAHRU 1 Nov. - Mahkamah Majistret di sini hari ini membenarkan seorang Penolong Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) negeri ini ditahan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes rasuah berjumlah RM30,000.

Perintah tahanan reman dikeluarkan oleh Majistret Mohd. Azlan Shah Allias selepas membenarkan permohonan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan lanjut mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Seksyen tersebut memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu suspek yang memakai baju lokap SPRM berwarna jingga dengan tangan bergari tiba di perkarangan mahkamah pada pukul 1.55 petang diiringi pegawai suruhanjaya itu.

Suspek berusia 37 tahun yang ditahan di salah sebuah hotel di bandar raya ini pada pukul 2.40 petang semalam disyaki telah meminta sejumlah wang rasuah daripada seorang pengurus projek sebuah syarikat kejuruteraan petroleum.

"Hasil siasatan yang dijalankan, suspek disyaki telah meminta dan menerima wang rasuah berjumlah RM30,000 daripada pengurus projek berkenaan supaya tidak diambil tindakan memasang Mesin Angkat (Grip Hoist) tanpa mendapat kebenaran daripada pihak JKPP.

"Dalam satu serbuan yang dibuat di rumah suspek, pasukan penyiasat menemukan wang tunai berjumlah RM18,505 yang disembunyikan di bilik dan bawah tangga kediaman tersebut. Turut dirampas beberapa dokumen berkaitan projek berkenaan," kata SPRM dalam kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah SPRM negeri, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

04 November 2017

3. Timbalan Pengarah JKPP ditahan SPRM

JOHOR BAHRU 4 Nov. - Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Operasi) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terlibat dalam kegiatan rasuah.

SPRM dalam satu kenyataan memberitahu, suspek berusia 47 tahun itu ditahan di ibu pejabat SPRM negeri pada pukul 11 malam tadi.

"Berdasarkan siasatan, suspek dipercayai meminta dan menerima rasuah sebanyak RM8,000 daripada seorang pengurus projek sebuah syarikat petroleum.

"SPRM turut merampas wang tunai berjumlah RM40,444 dan SG\$1,613 selain beberapa dokumen berkaitan dalam serbuan yang dibuat di tiga lokasi berbeza," demikian menurut kenyataan berkennaan.

06 November 2017

4. Tiga pegawai Maritim Malaysia direman**PEGAWAI penyiasat, 53 direman lima hari bermula hari ini**

KOTA KINABALU 6 Nov. - Tiga pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) direman di Mahkamah Majistret di sini hari ini bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan kemasukkan bot nelayan asing di perairan Sabah.

Ketiga-tiga pegawai berkenaan yang bertugas di Maritim Malaysia Kota Kinabalu ialah Timbalan Pengarah Logistik yang berusia 45 tahun, pegawai penyiasat, 53, dan seorang lagi pegawai berusia 39 tahun.

Majistret Afiq Agoes memerintahkan timbalan pengarah berkenaan direman enam hari bermula hari ini manakala dua lagi selama lima hari.

Timbalan Pendakwa Raya SPM, Mohd. Faliq Basiruddin ketika ditemui di pekarangan mahkamah berkata, ketiga-tiga mereka disiasat di bawah Seksyen 17a Akta SPM 2009.

"Siasatan ini adalah berhubung aktiviti rasuah sehingga menyebabkan nelayan asing memasuki perairan Sabah," katanya.

Ketiga-tiga mereka merupakan antara lima suspek yang ditahan SPM di negeri ini semalam bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dijangka mengadakan sidang akhbar di Putrajaya pada pukul 12 tengah hari ini berhubung penahanan berkenaan.

06 November 2017

5. 22 individu termasuk seorang wanita bergelar 'Datuk' ditahan

KETUA Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar menunjukkan bot-bot nelayan asing yang digunakan untuk menceroboh perairan negara dalam sidang akhbar Ops Armada di sini hari ini.

PUTRAJAYA 6 Nov. - Sebanyak 22 individu termasuk seorang wanita warganegara Vietnam yang bergelar 'Datuk' ditahan dalam satu operasi secara besar-besaran bagi membongkar isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara, semalam.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad berkata, dalam operasi yang dikenali sebagai Ops Armada itu, sebanyak enam orang penjawat awam termasuk lima anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan seorang kakitangan Jabatan Perikanan turut ditahan.

"Selain itu, sebanyak sembilan rakyat tempatan yang berperanan sebagai orang tengah dan enam orang lagi warganegara Vietnam termasuk seorang wanita ditahan.

"Dalam operasi yang dijalankan secara bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia itu kita juga telah merampas wang tunai berjumlah RM1.9 juta iaitu wang rasuah dan membekukan 44 akaun bank berjumlah RM2 juta," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar.

Menurut Dzulkifli, sebanyak sembilan tangkapan dibuat di Pahang, Sabah (lima), Sarawak (empat), Terengganu (tiga) dan Labuan (satu).

Katanya, kesemua suspek tersebut akan dibawa untuk mendapat perintah reman di negeri-negeri tersebut hari ini.

06 November 2017

6. Shafie hadir ke pejabat SPRM

KOTA KINABALU 6 Nov. - Presiden Parti Warisan Sabah (Warisan) Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal hadir ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini pagi ini bagi membantu siasatan agensi itu berkaitan dana infrastruktur pembangunan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau yang bertanggungjawab terhadap peruntukan tersebut semasa menjadi Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) antara tahun 2009 hingga 2015 hadir pada pukul 10 pagi sebelum beredar kira-kira tiga jam selepas itu.

Pada 19 April lalu, Mohd. Shafie ditahan SPRM dan direman selama 8 hari bagi membantu siasatan penyelewengan dana KKLW sebanyak RM1.5 bilion semasa beliau menerajui kementerian berkenaan.

Peruntukan pembangunan untuk UMS itu dipercayai antara sebahagian daripada dana berkenaan yang disiasat oleh SPRM.

06 November 2017

7. Rasuah: Bekas inspektor polis dipenjara 3 tahun, denda RM15,000

P. KAVIKUMAR dibawa oleh anggota polis selepas didapati bersalah menerima rasuah di Mahkamah Sesyen Kota Bharu hari ini.

KOTA BHARU 6 Nov. - Seorang bekas inspektor polis dikenakan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas didapati bersalah menerima suapan bernilai RM2,000 daripada seorang lelaki, dua tahun lalu.

Hakim Adli Abd. Ghalib menjatuhkan hukuman tersebut selepas tertuduh, P. Kavikumar, 27, yang pernah bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Machang gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir pembelaan kes berkenaan.

Adli juga memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara 12 bulan lagi sekiranya dia gagal membayar denda.

P. Kavikumar didakwa menerima suapan berjumlah RM2,000 daripada Mohd Zulhafizi Wan Mohd Zulkefly, sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan kononnya atas kesalahan merogol di Jalan Bukit Bakar, Machang pada pukul 6 petang, 13 Januari 2015.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda daripada jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPM negeri, Shahidah Muslimah Roslan mencadangkan supaya hukuman setimpal dikenakan terhadap tertuduh sebagai pengajaran.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon supaya hukuman dikurangkan atas alasan bekerja sebagai pemandu teksi dan perlu menyara keluarga termasuk tiga adiknya yang masih belajar.

Adli kemudianya menetapkan hukuman penjara tiga tahun bermula hari ini.

07 November 2017

8. Lepas nelayan asing ceroboh perairan

SPRM tahan 22 orang termasuk enam pegawai Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan



3

Dzulkifli Ahmad memberi penjelasan kepada media mengenai Ops Armada pada sidang akhbar di Putrajaya semalam sambil diperhatikan oleh Zulkifli Abu Bakar (kanan) dan Azam Baki.

PUTRAJAYA 6 Nov. - Terima antara RM50,000 hingga RM200,000 sebagai habuan melepaskan setiap bot nelayan asing yang menceroboh di perairan negara ini.

Itulah jumlah rasuah yang ditawarkan kepada enam pegawai Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) termasuk seorang Jabatan Perikanan yang dikesan menerima rasuah daripada orang tengah agar tiada tindakan diambil terhadap bot nelayan asing.

Bagaimanapun kegiatan mereka tidak berpanjangan apabila kesemua penjawat awam itu termasuk orang tengah iaitu seorang wanita warga Vietnam bergelar 'Datuk' yang dipercayai dalam utama mengagihkan wang rasuah ditahan dalam operasi bersepadu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan Maritim Malaysia di Pahang, semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad berkata, dalam Ops Armada itu, kesemua suspek terbabit merupakan antara 22 individu yang terlibat dalam kegiatan tersebut.

Katanya, turut ditahan ialah sembilan rakyat tempatan yang bertindak sebagai orang tengah dan enam warga Vietnam lain termasuk seorang wanita.

"Sembilan suspek ini ditahan di Pahang, lima di Sabah, empat di Sarawak, tiga di Terengganu dan seorang di Labuan.

"Dalam operasi ini, SPRM turut merampas wang tunai berjumlah RM1.9 juta iaitu wang rasuah selain membekukan 44 akaun bank bernilai RM2 juta," katanya dalam sidang akhbar bersama Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar dan turut dihadiri Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki di sini hari ini.

Mengulas berhubung peranan wanita bergelar Datuk itu, Dzulkifli memberitahu, wanita itu dipercayai sebagai salah seorang perancang utama kepada salah satu daripada empat sindiket yang bergiat aktif di Laut China Selatan.

"Maklumat berhubung aktiviti pencerobohan haram itu telah dikumpul sejak 11 bulan lalu termasuk meninjau empat jeti di Vietnam yang terletak berhampiran perairan Malaysia.

"Hasil risikan itu mendapati sindiket tersebut menggunakan tiga modus operandi utama iaitu menceroboh secara terus, menaiki bot klon dengan menggunakan nombor pendaftaran dan bendera Malaysia serta menyalahgunakan permit nelayan tempatan," ujarnya.

Jelasnya, pemilik-pemilik bot nelayan Vietnam yang ditahan Maritim Malaysia akan menggunakan orang tengah untuk berunding agar tidak diambil tindakan penguatkuasaan sekali gus membenarkan mereka beroperasi secara haram.

Tambahnya, kesalahan mereka itu dilindungi dengan perbuatan rasuah yang melibatkan orang tengah berkenaan termasuk pegawai Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan.

Sementara itu, Zulkifli memberi jaminan untuk membanteras gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang melibatkan pegawai serta anggotanya hingga habis-habisan.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan melindungi mana-mana anggota atau pegawainya yang terlibat dalam aktiviti haram itu.

"Kita mendapati salah guna kuasa ini mempunyai hubung kait dengan sumber perikanan negara yang begitu besar sehingga menarik kehadiran nelayan asing terutamanya dari Vietnam.

"Selepas meneliti tindak tanduk mereka, kita percaya terdapat penglibatan bot nelayan tempatan dan anggota Maritim Malaysia sendiri dalam gejala salah guna kuasa dan rasuah ini," katanya.

09 November 2017

9. Ada dalang rasuah dalam Maritim Malaysia - Zulkifli

ZULKIFLI ABU BAKAR (tengah) dan **Abdul Aziz Ishak** bergambar dalam kunjungan Agensi Pengawas Maritim Malaysia ke Ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad, Jalan Utusan, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, **Othman Mohamad** (sembilan dari kanan) dan **Zulkefli Hamzah** (lapan dari kanan).

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Agensi Pengawas Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) yakin masih ada dalang rasuah berkaitan kemasukan bot nelayan asing di perairan negara yang terdiri daripada pegawai atasan dan anggota di dalam agensi tersebut.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar walau bagaimanapun berkata, beliau menyerahkan kuasa untuk menyiasat perkara itu sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan bersedia bekerjasama pada bila-bila masa.

"Saya tidak boleh menyatakan berapa orang lagi yang terlibat tetapi selain lima orang yang ditahan SPRM, kita tahu memang ada lagi yang terlibat."

"Saya ingin memberi amaran kepada mereka yang terlibat bahawa mereka tidak akan terlepas dan Maritim Malaysia akan menyokong dan membantu SPRM menjalankan siasatan demi memastikan perairan negara selamat," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan kunjungan hormat ke Ibu pejabat Utusan Malaysia (M) di sini hari ini.

Ketibaan delegasi agensi itu seramai 20 orang pada pukul 2.30 petang disambut oleh Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Abdul Aziz Ishak dan Timbalannya, Datuk Othman Mohamad.

Yang turut hadir, Penolong Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Hassan Mohd. Noor; Pengarang Utusan Malaysia, Datuk Zulkefli Hamzah dan Pengurus Jabatan Pengarang; Ainol Amriz Ismail.

Tambah Zulkifli, beliau juga ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk membuat kajian untuk meminda akta yang lebih mantap bagi memastikan perairan negara dapat dikawal dengan lebih berkesan pada masa hadapan.

Katanya, pencerobohan nelayan asing itu bukan sahaja mengaut hasil perikanan negara malah turut merosakkan kekayaan ekosistem lautan di Malaysia.

"Akta yang digunakan sekarang agak longgar tidak seperti Indonesia yang lebih tegas menyebabkan nelayan asing dari Vietnam tertumpu pada perairan Malaysia berbanding Indonesia.

"Selain itu, Maritim Malaysia juga memerlukan aset yang lebih canggih seperti kapal induk untuk membantu agensi kita untuk melakukan pemantauan dan penangkapan nelayan asing yang menceroboh dengan lebih berkesan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Zulkifli berkata, pihaknya sedia untuk bekerjasama dengan Kumpulan Utusan dalam menangani persepsi masyarakat terhadap agensi itu.

"Di zaman digital ini kita mempunyai banyak cabaran dan sebagai media arus perdana yang berpengaruh, Kumpulan Utusan boleh membantu kita salah satunya dalam menjaga imej agensi," katanya.

12 November 2017

10. Dua kontraktor lepas, bebas tuduhan rasuah beras subsidi

NOR AZAMUDDIN Ahmad (tengah) dan Farid Idris Khan (kiri) bersama peguam Ang Chun Pun selepas dilepaskan dan dibebaskan Mahkamah Khas SPRM daripada pertuduhan menerima dan bersubahat terhadap rasuah tiga tahun lalu di sini hari ini.

ALOR SETAR 12 Nov. - Dua kontraktor terlepas daripada hukuman setelah dilepaskan dan dibebaskan Mahkamah Khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada pertuduhan rasuah melibatkan wang RM135,000 daripada seorang ahli perniagaan bergelar Datuk berkaitan kuota beras subsidi ST15, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Nor Azamuddin Ahmad, 48, dan Farid Idris Khan, 37, berpelukan sambil menangis sebaik mendengar keputusan dibacakan Hakim Zanol Rashid Hussain.

Zanol Rashid dalam penghakiman berkata mahkamah melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan berkenaan selepas mendapat keterangan pembelaan tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas pendakwaan.

Pihak pembelaan juga berjaya mematahkan elemen 'anggapan' di bawah Seksyen 50 Akta SPRM 2009 dan tertuduh di lepaskan dan dibebaskan dari semua pertuduhan.

Nor Azamuddin terlepas daripada tuduhan menerima rasuah wang tunai RM45,000 daripada pemilik syarikat DCT Bakery Sdn. Bhd., Datuk Noridan Spee Yee, 56, sebagai dorongan mendapatkan kuota beras ST15 sebanyak 100 tan metrik bagi Mei 2014 untuk perniagaan yang dimiliki lelaki berkenaan, MNS Utara Enterprise dan MFM Utara Enterprise.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan berkenaan di Nombor 69, Persiaran KTC 4/3 Kulim Techno City Golf Kulim Hi-Tech Park Kulim pada pukul 10 malam, 4 Mei 2014.

Bagi pertuduhan kedua, Nor Azamuddin didakwa menerima rasuah RM45,000 daripada Noridan bagi mendapatkan kuota beras ST15 sebanyak 100 tan metrik untuk bulan Jun 2014 di tempat sama pada pukul 10 malam, 6 Jun 2014.

Bagi pertuduhan ketiga pula, di tempat sama pada pukul 10 malam, 2 Julai 2014, Nor Azamuddin didakwa menerima suapan wang tunai RM45,000 daripada ahli perniagaan berkenaan bagi tujuan sama untuk Julai 2014.

Farid pula dilepaskan dan dibebaskan daripada dakwaan bersubahat dengan Nor Azamuddin bagi ketiga-tiga pertuduhan berkenaan.

Pertuduhan terhadap kedua-dua lelaki berkenaan dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan, mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya dari SPRM, A. Hafiiizh Abu Bakar dan tertuduh diwakili Ang Chun Pun.

11. 100 dijangka ditangkap**SPRM Johor buru penjawat awam terlibat kegiatan rasuah**

ISKANDAR PUTERI 12 Nov. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor dijangka melakukan 100 tangkapan terutamanya membabitkan penjawat awam di negeri ini yang terlibat dengan kegiatan rasuah sepanjang tahun ini.

**AZMI ALIA**

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias berkata, bagaimanapun, jumlah tangkapan tidak bermakna rasuah benar-benar dapat dibanteras secara keseluruhannya.

"Apakah tangkapan yang ada itu satu perkara yang menunjukkan rasuah benar-benar dapat dibanteras dalam Johor? Saya rasa tidak, kerana mungkin ada pengganti kepada 100 orang ini.

"Ini kerana mereka akan membuatkan perkara sama kerana rasuah sangat berkait dengan peluang dan ruang. Aspirasi ialah harus menjadikan rasuah sebagai musuh nombor satu negara," katanya dalam Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Pinewood Studio di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Azmi Rohani.

Azmi bersyukur kerana usaha pihaknya memerangi rasuah di Johor mendapat sokongan dan bantuan penuh kerajaan negeri.

Menurut beliau, isu berkenaan perlu dipandang serius dan rasuah seharusnya diletakkan sebagai musuh utama negara kerana menjadi punca kepada kegiatan jenayah lain.

Sementara itu, Ali dalam sidang akhbar menyifatkan gejala rasuah melibatkan kakitangan awam di negeri ini tidak serius, masih terkawal dan tidak membimbangkan.

Katanya, setakat ini, belum ada kes-kes yang serius namun pihaknya tetap memantau perkembangan tersebut dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, Azmi Rohani berkata, kerajaan perlu meletakkan bilangan kes di mahkamah dan individu yang ditahan di pusat tahanan sebagai indikator bagi mengukur tahap kemajuan negara ini.

"Dalam kita berusaha capai TN50 untuk semua rakyat, saya rasa pertamanya kita kena kembali semula pada diri kita bahawa kita melihat kepada indikator dalam penjara, dalam rumah sakit atau pusat tahanan pendatang haram.

"Kalau masih ramai rakyat kita atau rakyat asing berada di situ dan peningkatan bilangan kes mahkamah bermakna pada masa itu kita masih belum mencapai sebagai negara maju yang kita impikan," katanya.

13 November 2017

12. Rasuah:2 tekong Vietnam ditahan

JOHOR BAHRU 13 Nov. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan dua tekong warga Vietnam kerana disyaki merasuh seorang anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) sebanyak RM10,000 ketika ditahan dalam Operasi Perkasa Selatan di Perairan Mersing, semalam.

Kedua-dua suspek lelaki berumur 27 dan 28 tahun itu memberi wang tersebut sebagai dorongan untuk melepaskan dua bot yang digunakan selepas melakukan beberapa kesalahan antaranya gagal mengemukakan lesen bot, tidak mempunyai passport yang sah dan memiliki peralatan tangguh tunda di atas bot.

Kedua-dua tekong bot tersebut juga ditahan kerana memberikan rasuah terlebih dahulu kepada anggota APMM berjumlah RM500 dan RM800 bagi melepaskan bot mereka atas kesalahan yang sama.

Kedua-dua suspek berkenaan ditahan di Pejabat SPMR Johor Cawangan Kluang kira-kira pukul 11 pagi semalam bagi membantu siasatan yang sedang dijalankan mengikut Seksyen 17(b) Akta SPMR 2009.

Pengarah SPMR negeri, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan memberitahu suspek akan dihadapkan ke mahkamah hari ini untuk permohonan reman bagi membantu siasatan.

Terdahulu SPMR bersama-sama APMM mewujudkan satu rangkaian kerjasama dalam usaha memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa khususnya melibatkan kejadian-kejadian isu pencerobohan bot nelayan di perairan Malaysia.

Beliau berkata, kerjasama tersebut bermula dengan perkongsian maklumat di antara kedua-dua agensi berkaitan isu pencerobohan nelayan asing terutamanya dari Vietnam diikuti pelaksanaan Ops Armada sejak Januari lalu.

"Ops Armada dilaksanakan bagi membanteras aktiviti rasuah dan salah guna kuasa berhubung pencerobohan nelayan asing yang menggunakan orang tengah untuk berunding dengan agensi penguatkuasa agar tindakan tidak diambil ke atas kegiatan mereka.

"Sindiket ini dikatakan beroperasi secara haram melibatkan aktiviti penangkapan hasil laut di kawasan perairan pantai timur Semenanjung, perairan Johor, Sabah dan Sarawak," katanya.

16 November 2017

13. 38 ditangkap, 17 dituduh kes rasuah di Terengganu

PENGARAH Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Mohamad Zawahid Shamsuddin (kiri) mengetuai lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada Majlis Menandatangani IBR LKIM Terengganu hari ini. Turut hadir Timbalan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Negeri Terengganu Zainal Ayop dan Pengarah Integriti LKIM Azmi Othman (kanan).

KUALA TERENGGANU 16 Nov. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu mengesahkan seramai 38 orang telah ditangkap bersabit kesalahan rasuah di negeri ini sejak Januari hingga kini.

Timbalan Pengarah SPRM negeri, Zainal Ayop berkata, manakala 17 orang lagi dituduh berhubung kes rasuah dan mereka terdiri daripada lapan orang awam, enam penjawat awam dan lain-lain (tiga orang).

Beliau mengulas lanjut, bagi kes tangkapan, seramai 16 orang merupakan penjawat awam diikuti 11 orang awam dan lain-lain (11 orang).

"Dalam tempoh Januari tahun ini hingga sekarang, kita telah membuka sebanyak 42 kertas siasatan berhubung pelbagai kes rasuah di negeri ini.

"Kesemua kes yang kita kendalikan ini membabitkan nilai suapan berjumlah RM462,618," katanya kepada pemberita selepas majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu 2017 di Primula Beach Hotel di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah LKIM negeri, Mohamad Zawahid Shamsuddin dan Ketua Unit Integriti LKIM, Norazmi Arifin.

14. Siasatan pembelian hotel FIC peringkat akhir - Dzulkifli**Dzulkifli Ahmad**

KOTA SAMARAHAN 18 Nov. - Siasatan kes pembelian hotel Felda Investment Corporation (FIC) di Kuching dan Kensington, London kini di peringkat akhir untuk dilengkапkan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad berkata, siasatan tersebut mengambil sedikit masa berikutan pihaknya sedang cuba mendapatkan keterangan daripada pihak berkenaan di London, United Kingdom.

"Kita telah membuat permohonan mendapatkan bantuan perundangan bersama (mutual legal assistance) dari pihak di United Kingdom melalui Jabatan Peguam Negara.

"Bantuan ini bagi mendapatkan keterangan daripada pihak di sana. Selepas itu barulah siasatan lengkap dapat dibuat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis Perhimpunan Mahasiswa Anak Muda Memerangi Rasuah dan Salah Guna Kuasa (Pemarah) 3.0 Borneo di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPM, Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil; Pengarah Kanan Jabatan Siasatan SPM, Datuk Simi Abdul Ghani; Pengarah SPM Sarawak, Datuk Badrul Shah Norman dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Unimas, Prof. Mohd. Fadzil Abdul Rahman.

Kira-kira 1,000 pelajar Unimas dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) hadir bagi menyatakan rasa benci dan menolak rasuah serta salah guna kuasa di negara.

Komitmen ditunjukkan anak-anak muda dilihat tinggi dalam usaha bukan hanya dijayakan SPRM tetapi semua pihak yang terlibat dalam membasmi rasuah dan salah guna kuasa di samping tindakan penguatkuasaan.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai perkembangan senarai ranking kementerian berdasarkan kedudukan isu rasuah dan salah guna kuasa yang akan diumumkan nanti, Dzulkifli memberitahu, senarai itu sedang dalam proses penambahbaikan.

"Kita akan lihat terlebih dahulu perkara ini sebelum berbincang dengan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa bagi tindakan selanjutnya," kata beliau.

23 November 2017

15. Suspek ketiga kes seleweng baja direman 6 hari

SUSPEK ketiga kes penyelewengan skim baja subsidi (tengah berbaju lokap) menutup muka sambil diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika dibawa keluar selepas dikenakan perintah tahanan reman di pekarangan Mahkamah Majistret di Melaka sebentar tadi.

MELAKA 23 Nov. - Suspek ketiga kes penyelewengan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) yang bernilai kira-kira RM2.54 juta direman enam hari bermula hari ini untuk membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perintah reman terhadap pesawah berusia 52 tahun itu dikeluarkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Melaka Mohd. Anuar Ostadi bagi membolehkan siasatan dibuat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Terdahulu, suspek yang berpakaian lokap SPRM tiba di pekarangan kompleks mahkamah kira-kira pukul 10.30 pagi diiringi pegawai penguasa suruhanjaya tersebut.

Kelmarin, seorang pengurus projek di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) negeri ini yang berusia 38 tahun direman selama enam hari bagi membantu siasatan dalam kes berkenaan sebelum seorang pesawah berusia 46 tahun direman selama tujuh hari untuk kes yang sama semalam.

24 November 2017

16. SPRM tahan suspek keempat kes seleweng skim baja

MELAKA 24 Nov. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang lagi lelaki yang menjadi suspek keempat disiasat berhubung kes penyelewengan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) berjumlah RM2.54 juta di negeri ini semalam.

Suspek yang berusia 50 tahun merupakan pekebun dan peniaga kedai elektronik ditahan di pejabat SPRM negeri di Alai di sini pukul 6.30 petang semalam.

Menurut sumber, suspek dipercayai bersubahat dengan suspek pertama menjual baja untuk kepentingan sendiri.

Ini merupakan penahanan keempat terhadap individu yang terlibat dalam penyelewengan skim baja itu susulan tangkapan suspek pertama iaitu seorang pengurus projek berusia 38 tahun di Pertubuhan Peladang Kawasan negeri pada Isnin lalu.

Sehari kemudian, seorang pesawah berusia 46 tahun yang mampu memiliki kereta mewah jenis Audi A4 ditahan dipercayai bersubahat menjual baja-baja tersebut kepada orang tengah manakala kelmarin, SPRM menahan suspek ketiga berusia 52 tahun yang merupakan pesawah, nelayan dan peniaga ikan bagi membantu siasatan

27 November 2017

17. Beberapa kementerian, agensi kerajaan, badan berkanun akan dipanggil - PAC**HASAN ARIFIN**

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil beberapa kementerian, agensi kerajaan dan badan berkanun persekutuan khususnya yang mempunyai kepentingan masyarakat dalam masa terdekat bagi memberi penjelasan berhubung pelbagai isu berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri Kedua.

Pengerusinya, Datuk Seri Hasan Arifin berkata, antara yang akan dipanggil adalah Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Malaysia Venture Capital Management Bhd. (Mavcap).

"PAC akan memanggil pihak berkenaan yang dikenal pasti mempunyai masalah dan kelemahan seperti Kementerian Belia dan Sukan bagi memberi penjelasan melibatkan isu pembinaan kemudahan sukan kepada belia.

"Malah, ada lagi (kementerian) juga akan dipanggil. Langkah diambil itu bukan berniat untuk mencari kesalahan atau kelemahan tetapi bagi tujuan menambah baik serta mencari jalan penyelesaian agar setiap pengurusan di peringkat kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan badan berkanun berjalan dengan lebih baik," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat PAC, di Parlimen hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamed dan Timbalan Pengerusi PAC, Dr. Tan Seng Giaw.

Jelas Hasan, secara keseluruhannya, PAC berpuas hati dengan prestasi pengauditan bagi kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta kedudukan penyata kewangan badan-badan berkanun

persekutuan, kumpulan wang persekutuan, akaun amanah berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan.

"Sebanyak 126 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 12 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan Emphasis of Matters, empat diberi Pendapat Berteguran dan satu lagi Pendapat Bertentangan.

"Secara keseluruhannya, prestasi kewangan semakin baik dan kesedaran dari segi pengurusan kewangan dalam kalangan pegawai bertambah baik," katanya.

28 November 2017

18. Audit: Kerajaan rancang baik pelaksanaan projek

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan didapati mempunyai perancangan yang baik dalam melaksanakan program, aktiviti dan projek meskipun terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera.



Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2016 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, kelemahan itu perlu ditangani bagi memastikan sesuatu program, aktiviti dan projek dapat dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Justeru, laporan itu mencadangkan ketua setiausaha kementerian dan ketua jabatan yang berkenaan supaya menjalankan pemeriksaan menyeluruh bagi menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain mempunyai kelemahan sama memandangkan pengauditan yang dijalankan Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu.

MADINAH MOHAMAD

"Ia perlu dilakukan sebelum mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan," menurut laporan mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan Siri 2 di bahagian penutup yang terkandung dalam Laporan Audit itu.

Sebanyak 240 syor dikemukakan dalam LKAN 2016 Siri 2 bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil di peringkat persekutuan dan negeri.

Daripada jumlah itu, sebanyak 74 syor dikemukakan terhadap aktiviti kementerian/jabatan dan badan-badan berkanun persekutuan, 36 syor (pengurusan syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan) serta 130 syor bagi pengurusan aktiviti kementerian/jabatan/agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri.

Pengauditan yang dijalankan mendapati kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek antaranya akibat daripada kurang pemantauan dan penyeliaan oleh pihak dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor serta ketiadaan penyelarasian antara agensi yang terlibat.

Laporan itu turut menyebut kajian terperinci perlu dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan.

"Bagi tujuan itu, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, jabatan/agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknikal," menurut laporan itu.

LKAN 2016 Siri 2 itu turut mengesyorkan ketua perkhidmatan/pegawai pengawal/ketua jabatan untuk menubuhkan Jawatankuasa Siasatan terhadap isu-isu yang mempunyai unsur penyelewengan, pembaziran dan pemberosan.

"Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang cuai/gagal melaksanakan tanggung jawabnya tanpa sebab-sebab munasabah sehingga kerajaan menanggung kerugian," menurut laporan itu.

Sementara itu, Ketua Audit Negara ,Tan Sri Dr Madinah Mohamad menerusi kata pendahuluan dalam Aktiviti Kementerian/Jabatan/Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan Siri 2 dalam laporan audit itu, berkata secara umumnya aktiviti kerajaan telah dilaksanakan mengikut objektif ditetapkan, meskipun terdapat kelemahan.

"Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua setiausaha kementerian/ketua jabatan/ketua pengarah berkenaan, saya telah mengemukakan 74 syor untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti," katanya

28 November 2017

19. LHDN audit 15 bank transaksi akaun pesisir



ABDUL MANAP DIM (dua dari kanan) melancarkan Op Mega 2017 Peringkat Ibu Pejabat di Cyberjaya hari ini.

CYBERJAYA 27 Nov. - Sebanyak 15 buah bank tempatan dan antarabangsa yang mempunyai transaksi akaun pesisir pantai di Labuan sedang diaudit Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berikutan isu pindahan harga melibatkan jumlah cukai ratusan juta ringgit.



ABDUL MANAP DIM

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDN, Abdul Manap Dim berkata, pihaknya setakat ini mempunyai maklumat awal mengenai perkara tersebut namun semakan menyeluruh perlu dilakukan.

"Kita akan mengaudit beberapa bank yang mempunyai transaksi pesisir di Labuan yang berkemungkinan ada isu pindahan harga iaitu pembahagian keuntungan yang mungkin tidak setara antara entiti di Labuan dan di Semenanjung.

"Ini kerana kedua-dua tempat ini mempunyai kadar cukai berbeza, kita sudah mula semakan dan sedang menyusuli maklumat-maklumat daripada pihak berkenaan, kita kena tunggu maklumat, ia melibatkan jumlah cukai besar mungkin ratusan juta ringgit," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Op Mega 2017 di Menara Hasil di sini hari ini.

Menurut Abdul Manap, audit terhadap bank-bank berkenaan merupakan sebahagian daripada aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan sempena Op Mega, iaitu inisiatif daripada LHDN untuk meningkatkan pematuhan cukai.

"Kes ini bagaimanapun tidak akan selesai dalam tempoh sebulan dan kami akan terus menyemak maklumat berkaitan sebelum dapat menyelesaiannya," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Abdul Manap, pihaknya yakin sasaran kutipan cukai sebanyak RM127 bilion bagi tahun 2017 akan berjaya dicapai berdasarkan trend pembayaran cukai buat masa ini.

"Sekarang ini, kutipan cukai sudah hampir RM109 bilion, kita ada sebulan lebih lagi dan sasaran RM127 bilion masih dikekalkan, Insya-Allah akan tercapai dengan kerjasama semua pihak.

"Bagi tahun depan pula, kita menasarkan kutipan cukai sebanyak RM134.7 bilion berdasarkan pengumuman Bajet 2018 baru-baru ini," katanya.

Terdahulu ketika Abdul Manap membacakan teks ucapan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Seri Sabin Samitah sempena pelancaran Op Mega itu, beliau berkata, operasi dari 20 November sehingga 1 Disember itu melibatkan tiga komponen utama iaitu pendidikan cukai, aktiviti pungutan dan aktiviti audit serta siasatan.

"Hampir 5,000 orang pegawai di jabatan dan cawangan LHDN akan digembangkan untuk turun padang menemui orang ramai, bagi memberi pendidikan cukai melalui aktiviti pematuhan, mengedarkan risalah berhubung kesedaran percuakan dan maklumat-maklumat baharu berkaitan," kata Sabin.

Berhubung pengumuman Bajet 2018 mengenai pengurangan kadar cukai individu, Sabin berkata, pengurangan hasil yang dijangka adalah sebanyak RM1.3 bilion namun pihaknya yakin cabaran berkenaan mampu dihadapi dan strategi terbaik akan disusun pihak pengurusan.

28 November 2017

20. Heret ke mahkamah individu seleweng subsidi baja - Shabery

SEBAHAGIAN daripada peserta yang menghadiri Program Simulasi Banjir di Pasir Gajah Kemaman hari ini. KEMAMAN 28 Nov. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengalu-alukan langkah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat kemungkinan berlaku ketirisan dan penyalahgunaan bantuan baja bersubsidi.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pihaknya akan memberi kerjasama penuh dalam siasatan itu bagi memastikan individu-individu berbuat demikian dihadapkan ke mahkamah.

"Siasatan menyeluruh boleh dilakukan oleh SPRM atau PDRM terhadap mana-mana pihak atau individu yang bertanggungjawab melakukan penyelewengan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Simulasi Pengurusan Banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Kampung Pasir Gajah, hari ini.

Ahmad Shabery tidak menafikan kemungkinan berlaku ketirisan kerana kementeriannya itu antara yang paling banyak menyediakan peruntukan subsidi sehingga ada yang tidak layak menerima bantuan membuat tuntutan atau ada pihak menguruskannya.

Beliau diminta mengulas laporan media berhubung kegiatan sindiket menjual baja dan racun bersubsidi termasuk melakukan tuntutan palsu.

21. Audit 15 bank siap tiga bulan lagi - LHDN

KUALA LUMPUR 28 Nov. -Audit terhadap akaun 15 bank pesisir pantai di Labuan melibatkan transaksi sejak enam tahun lalu dan dijangka selesai dalam tempoh tiga bulan.

**SABIN SAMITAH**

Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), **Datuk Sabin Samitah** berkata, proses tersebut akan mengambil sedikit masa disebabkan jumlah transaksi yang panjang iaitu selama enam tahun untuk membolehkan LHDN mendapat segala maklumat yang diperlukan.

"Proses audit tersebut baharu sahaja bermula dan jumlah cukai masih belum dapat diketahui setakat ini, mungkin selepas tiga bulan jumlah sebenar akan diketahui yang dianggarkan ratusan juta ringgit.

"Fokus utama audit adalah untuk mengenalpasti sama ada transaksi perkhidmatan yang diberikan antara bank yang diaudit dan bank di bawah kawalan miliknya mematuhi Akta Cukai Pendapatan 1967," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam, LHDN mendedahkan sedang mengaudit 15 bank tempatan dan antarabangsa yang mempunyai transaksi akaun pesisir pantai di Labuan disebabkan isu pindahan harga melibatkan jumlah cukai ratusan juta ringgit.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LHDN, **Datuk Mohd. Nizam Sairi** berkata, pusat kewangan pesisir seperti Labuan mempunyai sistem percukaian berbeza berbanding di Semenanjung.

Menurutnya, walaupun demikian pihak tertentu tidak sepatutnya menjadikan Labuan sebagai kawasan untuk melarikan cukai yang perlu dibayar kerana pihak LHDN masih boleh menyemak akaun yang beroperasi di sana.

Katanya, jika ada pengurangan cukai berbanding cukai yang biasa mengikut Akta Cukai Pendapatan bermakna ada pihak yang cuba memindahkan keuntungan ke bank luar pesisir seperti di Labuan atau bank pesisir di negara lain.

"LHDN akan melakukan semakan dan tiada sesiapa boleh terlepas kerana perkara ini bukan baharu. Tindakan tegas akan diambil terhadap mereka walaupun bank di bawah kawalan Bank Negara tetapi cukai masih melibatkan kawalan LHDN," tegasnya

28 November 2017

22. Tuduhan pinjaman MAPS RM1.9 bilion tidak benar

IPOH 27 Nov. - Tuduhan pembangkang kononnya PCB Development Sdn. Bhd., anak syarikat Perak Corporation Berhad (PCB) menanggung hutang bank sehingga RM1.9 bilion untuk pembinaan Movie Animation Park Studios (MAPS) di Meru Raya adalah tidak berasas.



MOHAMAD ZAHIR

Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor negeri, Datuk Mohamad Zahir Abdul Khalid berkata, dakwaan itu merupakan tuduhan yang tidak bertanggungjawab dan tidak boleh dibuktikan.

Menurutnya, pinjaman bank yang dibuat oleh PCB adalah sebanyak RM280 juta yang mengikut prosedur ditetapkan dan mendapat kelulusan syarikat.

"Tuduhan pembangkang kata PCB membuat pinjaman sehingga RM1.9 bilion untuk pembinaan MAPS menjaskannya nilai dan aset syarikat kerana PCB syarikat tersenarai di bursa saham.

"Tuduhan pembangkang tidak benar sama sekali. Hutang keseluruhan PCB pun tidak sampai RM1 bilion. Pembangkang main tuduh sahaja tanpa ada rasa tanggungjawab terhadap tuduhan yang mereka buat," katanya dalam sidang akhbar hari ini.

Mohamad Zahir mengulas dakwaan Wong Kah Woh (DAP-Canning) bahawa PCB membuat pinjaman bank sebanyak RM1.9 bilion untuk pembinaan MAPS semasa sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini.

Mengenai dakwaan MAPS gagal mencapai sasaran dua juta pengunjung setahun, Mohamad Zahir berkata, adalah tidak adil untuk membuat penilaian terlalu awal memandangkan MAPS baru sahaja dibuka kepada pengunjung.

Menurutnya, PCB mengunjurkan sejuta pengunjung pada tahun pertama MAPS beroperasi dan setakat bulan lalu, taman tema itu mencatatkan 100,000 pengunjung dan jumlahnya dijangka meningkat sehingga 300,000 bulan depan.

"Diakui berlaku sedikit kelewatan untuk beberapa zon tarikan di dalam MAPS kerana audit keselamatan daripada pihak Dream Works untuk watak-watak animasi yang disediakan di MAPS," katanya.



AMINUDDIN

Sementara itu, Pengarah PCB, Datuk Aminuddin Md. Desa berkata, pihaknya kesal dengan tuduhan pembangkang yang boleh menjelaskan kedudukan syarikat itu dalam pasaran saham.

Menurutnya, wakil rakyat pembangkang sewajarnya membuat semakan yang betul dan memahami ketetapan dan peraturan penyenaraian bursa sebelum membuat dakwaan.

"MAPS merupakan satu projek dan perniagaan usaha sama jangka panjang, justeru penilaian jangka pendek adalah tidak adil dan tidak wajar. Kami percaya MAPS akan menyumbang kepada perkembangan industri pelancong di Perak," katanya.

23. Azmin cuba lindungi skandal Sungai Yu?

SHAH ALAM 28 Nov. - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyifatkan skandal penyelewengan pemberian tanah di Kampung Sungai Yu yang kini meng gegarkan Selangor hanya sekadar dakwaan.



Pendirian itu menimbulkan persoalan apa yang sebenarnya cuba dilindungi Mohamed Azmin kerana pelbagai bukti penyelewengan sudah terpampar di depan mata hingga penduduk sendiri melahirkan kekecawaan.

Timbul juga persoalan apakah 18 'individu' yang tiada rekod dalam Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan tindakan pemimpin PKR membolot lot tanah hanya dakwaan, sedangkan beliau sendiri yang menyerahkan Borang 5A.

"Isu itu (skandal Sungai Yu) adalah dakwaan yang dibuat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang (Datuk Sulaiman Razak)," dalihnya ketika diajukan persoalan mengenai skandal tersebut.

MOHAMED AZMIN ALI

sini hari ini.

Beliau ditemui pemberita selepas melancarkan Smart Desa Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di

29 November 2017

24. 30 lombong bauksit terlibat moratorium

ADNAN YAAKOB menggulung perbahasan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang, Kuantan, Pahang, semalam.

KUANTAN 28 Nov. - Sebanyak 30 buah lombong bauksit di sekitar daerah ini terlibat dalam pelaksanaan moratorium yang berkuat kuasa 15 Januari 2016 dan dilanjutkan sehingga 31 Disember ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, antara masalah utama yang masih tidak dapat diselesaikan adalah kegagalan pemilik atau pengusaha mengeluarkan dan mengangkut bauksit mengikut tempoh masa bekerja yang ditetapkan (8 pagi hingga 12 tengah hari dan 2 hingga 4 petang) menyebabkan pengeluaran tidak sah berleluasa.

"Terdapat pengusaha atau pemilik stockpile tidak diberikan lesen eksport (AP) khas yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tetapi tetap melakukan aktiviti pengorekan dan pengangkutan bauksit secara haram.

"Kelulusan AP khas yang dikeluarkan melebihi kuantiti sebenar bauksit di tapak. Ini menyebabkan kerja-kerja pengorekan dan pengangkutan yang tidak sah berlaku bagi memenuhi kuantiti yang diluluskan AP tersebut," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan dikemukakan **Datuk Fong Koong Fuee (BN-Cheka)** yang bertanya mengenai masalah-masalah utama yang masih tidak dapat diselesaikan sejak berkuat kuasanya pembekuan aktiviti perlombongan bauksit.

Menurut Adnan, pihaknya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Persekutuan kerana mengambil alih dan memainkan peranan melalui agensi di bawahnya dalam menangani masalah berkaitan isu bauksit.

"Satu tindakan yang wajar kerana kerajaan negeri hanya mempunyai kuasa melalui Pejabat Tanah dan Galian (PTG). Sebelum ini saya pernah menasihatkan pengusaha bauksit termasuk memberi amaran agar melaksanakan kegiatan perlombongan mengikut peraturan.

"Namun disebabkan sikap tamak, mereka mengabaikannya sehingga memaksa pihak berkuasa bertindak," ujarnya.

Tambah beliau, ketika ini terdapat dua arahan atau perintah mengenai aktiviti bauksit yang masih berkuat kuasa iaitu moratorium dan penyitaan sebanyak 10 juta tan mineral bauksit oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selama 18 bulan bermula Ogos lalu.

"Berdasarkan pemantauan PTG, aktiviti pengorekan dan pengeluaran bauksit telah berhenti sepenuhnya sepanjang sitaan dilakukan dan hanya satu kes tangkapan pada 6 Ogos lalu," katanya.

29 November 2017

25. Tekong bot Vietnam dituduh rasuah



DUA tekong warga Vietnam direman selama seminggu di Mahkamah Sesyen di Kluang, Johor, semalam bagi membantu siasatan kes merasuh seorang anggota Maritim Malaysia.

KUALA TERENGGANU 29 Nov. - Seorang tekong bot nelayan warga Vietnam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan memberi rasuah kepada pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), 22 November lalu.

Tertuduh, Nguyen Thanh Thai, 34, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Mohamad Haldar Abd. Aziz.

Mohamad Haldar kemudian menetapkan 13 Disember ini untuk sebutan semula kes.

Mengikut kertas pertuduhan, Thanh Thai dituduh memberi suapan berjumlah RM1,000 kepada Pegawai Pemerintah KM Pekan, Kapten Robert Teh Geok Chuan pada pukul 8.50 pagi, 22 November lalu.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu bagi mendorong untuk melepaskan bot tertuduh yang menceroboh perairan negara daripada ditahan, dan dia ditangkap pukul 4.30 petang di Pejabat SPRM Kuantan, Jumaat lalu ketika hadir untuk memberi keterangan.

Tekong terbait dituduh di bawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sabit kesalahan boleh di penjara 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mana-mana lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Amer Abu Bakar Abdullah manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

30 November 2017

26. Bekas CEO ZPP didakwa lagi



AZMAN ABDUL SAMAT (kiri) yang menghadapi tuduhan rasuah dikawal pegawai SPRM di Mahkamah Sesyen Butterworth, semalam.

BUTTERWORTH 29 Nov. - Selepas menghadapi empat pertuduhan rasuah pada Julai lalu, bekas Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Datuk Azman Abdul Samat sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas kesalahan sama.

Kali ini, Azman, 50, yang juga bekas Pengurus Besar ZPP menghadapi dua pertuduhan menerima rasuah berupa dua keping cek bernilai RM9,000 daripada dua pemilik syarikat di pejabat ZPP di Bandar Perda, Bukit Mertajam pada Januari 2014 dan Disember 2016.

Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Mengikut pertuduhan pertama, Azman didakwa menerima cek Hong Leong Bank bernilai RM5,000 daripada pemilik syarikat MW Global Trading, Mohd. Wardi Ramli pada Januari 2014.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa menerima cek Hong Leong Islamic bernilai RM4,000 daripada Ashri Ismail yang juga pemilik syarikat AI Global Trading antara 28 Disember dan 30 Disember tahun lalu.

Hakim Sitarun Nisa Abdul Aziz membenarkan Azman dibebaskan dengan jaminan RM5,000 berserta seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan sementara menunggu pengurusan kes pada 29 Disember ini untuk serahan dokumen.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ahmad Ghazali Muhamad Nadzri manakala Azman diwakili peguam Mohamed Reza Rahim.

30 November 2017

27. Tiga termasuk anak saudara Menteri Besar ditahan



KUALA LUMPUR 30 Nov.- Tiga individu termasuk seorang anak saudara Menteri Besar ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercaya terlibat melindungi kegiatan lombong pasir haram.

Dua lagi ditahan merupakan orang awam dan pemilik sebuah syarikat yang dikatakan menjalankan kegiatan tersebut.

Kesemua mereka ditahan kira-kira pukul 12.30 tengah hari semalam di sekitar Kuala Lumpur.

Hasil penahanan itu, akaun bernilai RM4 juta milik syarikat terlibat turut dibekukan kerana disyaki hasil bersekongkong dengan anak saudara Menteri Besar terbabit.

Sehubungan itu, perintah reman bagi ketiga-tiga suspek akan dipohon pagi ini di Mahkamah Putrajaya bagi siasatan lanjut.

30 November 2017

28. Dakwaan rasuah: Mohamed Khaled tidak larikan diri

ISKANDAR PUTERI 30 Nov. - 'I'm not going to run...i'm here'.



Mohamed Khaled

Itu reaksi ringkas Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ketika diminta mengulas mengenai dokumen siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan bekas Exco negeri ini yang turut mengaitkan namanya.

"Isu (itu) hari Isnin (sesi penggulungan Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor) baru saya akan jawab sebab ia dibangkitkan di dalam Dewan.

"...dan sebenarnya (kes) ada bicara (perbicaraan di mahkamah) dan tidak boleh cakap di luar...Tunggu Isnin," katanya ditemui di luar dewan Persidangan Dewan Undangan Negeri di Kota Iskandar, di sini sebentar tadi.

Baru-baru ini sebuah laman blog memuat naik lebih 140 halaman dokumen siasatan SPRM bagi kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan bekas Exco negeri ini.

Dokumen itu turut disertakan jadual transaksi wang didakwa diberikan kepada Mohamed Khaled.

Isnin lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senai, Wong Shu Qi, diarah keluar dari Persidangan Dewan Undangan Negeri selepas enggan menarik balik kenyataan yang dikeluarkan ketika membahaskan ucapan yang bertanya mengenai kesahihan maklumat dalam dokumen dalam blog berkenaan.